

03 NOV 2003

Parlimen-Bahas (Penghargaan)

PEMIMPIN SABAH DAN SARAWAK HARGAI TUN MAHATHIR DAN SOKONG ABDULLAH

KUALA LUMUR, 3 Nov (Bernama) -- Beberapa pemimpin Sabah dan Sarawak hari ini memberi penghargaan kepada jasa yang telah ditaburkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad disamping berikrar memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata golongan bumiputera dan bukan bumiputera di Sabah mendapat banyak manfaat daripada idea bernas Dr Mahathir tentang cara ekonomi negara harus diurus.

Dompok yang juga Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) berkata rakyat melihat masa depan yang cerah dan menunggu kejayaan Wawasan 2020 yang diilhamkan Dr Mahathir.

"Tarikh 31 Okt 2003 (pelantikan Perdana Menteri baru) perlu dihafal oleh para sejarawan di masa akan datang. Tarikh ini merupakan satu lagi pencapaian penting bahawa demokrasi di negara ini masih diamalkan," katanya semasa membahaskan usul terima kasih kepada Dr Mahathir yang dibentangkan oleh Abdullah di Dewan Rakyat hari ini.

Dompok (BN-Kinabalu) berkata Dr Mahathir yang selama ini digelar diktator dan penindas demokrasi telah menyerahkan kuasa kepada penggantinya dengan tatacara dan budaya `demokrasi kuno' iaitu dengan cara meletakkan jawatan.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata Sarawak banyak mengalami perubahan daripada negeri yang mundur kepada antara yang maju di negara ini di bawah pimpinan Dr Mahathir.

Abdul Taib yang juga Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) berkata bekas Perdana Menteri itu telah memberi perhatian yang konsisten terhadap Sarawak dan sering menabur idea baru daripada segi pembangunan ekonomi sehingga Sarawak kini mempunyai kegiatan ekonomi

yang
pelbagai.

Abdul Taib (BN-Kota Samarahan) berkata Sarawak menyokong
Abdullah
sebagai Perdana Menteri yang mempunyai pengalaman yang luas untuk
meneruskan kepimpinan Malaysia agar dapat memainkan peranan yang
lebih
cemerlang.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng
Ding
memuji Dr Mahathir kerana di bawah pimpinan beliau, Malaysia menjadi
gemilang.

"Kejayaan dan semangat Dr Mahathir akan menjadi sejarah
kebanggaan bagi
generasi akan datang," kata Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat
Sarawak
(SUPP) itu.

Law (BN-Sarikei) berkata SUPP berikrar untuk memberi sokongan
tidak
berbelah bagi kepada Abdullah.

SUPP akan memberi kesetiaan, komitmen dan bekerja keras untuk
membantu
Perdana Menteri yang baru, katanya.

Beliau berkata negara bertuah kerana negara mempunyai pengganti
yang
setanding, berwibawa dan mempunyai pengalaman luas untuk menerajui
negara.

Dewan kemudian meluluskan usul terima kasih itu.

-- BERNAMA

HM HM RHM